

# TARLIGE® FILM-COATED TABLET

Mirogabalin besilate (2.5mg, 5mg, 10mg & 15mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan TARLIGE®
2. Cara TARLIGE® berfungsi
3. Sebelum menggunakan TARLIGE®
4. Cara menggunakan TARLIGE®
5. Semasa menggunakan TARLIGE®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan TARLIGE®
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan TARLIGE®

Ia diberikan kepada pesakit yang mengalami **sakit neuropatik**.

## Cara TARLIGE® berfungsi

Ubat ini tergolong dalam kumpulan yang dipanggil **agen terapeutik neuropatik**.

Ubat ini menekan pembebasan neurotransmitter dan memberikan kesan analgesik dengan menekan kemasukan ion kalsium ke dalam saraf.

## Sebelum menggunakan TARLIGE®

### - Bila tidak boleh menggunakan

Individu berikut tidak boleh mengambil ubat ini:

- Individu dengan sejarah hipersensitiviti dengan bahan aktif dan bahan tidak aktif dalam Tarlige

### - Sebelum mula menggunakannya

Pesakit berikut mungkin perlu berhati-hati apabila menggunakan ubat ini:

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mula mengambil ubat ini

- Individu yang mengalami gangguan fungsi buah pinggang
- Wanita hamil atau mungkin hamil
- Wanita menyususu

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat harus diambil dengan berhati-hati bersama ubat ini. Jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain atau baru mengambil ubat ini, rujuk doktor atau ahli farmasi anda

## Cara menggunakan TARLIGE®

### - Berapa banyak harus diambil

Dos dan bilangan dos akan ditentukan oleh doktor anda mengikut gejala anda.

• Bagi orang tua dan orang yang mengalami masalah buah pinggang, jumlah dan bilangan dos akan diselaraskan.

• Biasanya, jumlah dan bilangan dos untuk orang dewasa adalah seperti berikut. Dos berkesan boleh diselaraskan

mengikut umur dan gejala anda.

	Dos awal	Dos berkesan
Satu dos	5mg	10 – 15mg
Bilangan dos	Dua kali sehari	

Selepas permulaan pemberian, dos akan ditingkatkan sebanyak 5mg dengan selang masa 1 minggu atau lebih lama.

### - Bila perlu diambil

Dua kali sehari

### - Bagaimana cara mengambil ubat ini?

Ambil dengan segelas air atau air suam.

### - Berapa lama perlu diambil

Ia akan ditentukan oleh doktor anda. Ubat ini boleh menyebabkan insomnia, loya, cirit-birit, hilang selera makan, dsb. jika anda berhenti mengambil ubat ini atau mengurangkan dos mengikut budi bicara anda sendiri. Penting untuk terus mengambil ubat ini seperti yang diarahkan.

### - Jika anda terlupa mengambilnya

Anda tidak boleh mengambil dua dos pada satu masa.

Jika anda terlepas satu dos, ambil dos yang terlepas itu secepat mungkin. Jika hampir tiba masanya untuk dos seterusnya, langkau dos yang terlepas dan ikut jadual dos tetap anda.

### - Jika anda mengambil terlalu banyak (dos berlebihan)

Ubat ini boleh menyebabkan gejala seperti perasaan terlalu gembira, *dysarthria* (gangguan pertuturan), sakit kepala, *dysphagia* (kesukaran menelan makanan dan air), sarkopenia, artritis (bengkak sendi), pembengkakan sendi dan kekurangan tenaga. Jika mana-mana gejala ini berlaku pada masa yang sama, rujuk doktor dengan segera.

## Semasa menggunakan TARLIGE®

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Beri perhatian kepada risiko jatuh dan patah tulang akibat gejala-gejala ini terutamanya pada warga emas.
- Beri perhatian kepada obesiti kerana ia boleh menambah berat badan. Pertambahan berat badan adalah perkara biasa, terutamanya jika dos meningkat atau jika anda mengambil ubat ini untuk masa yang lama. Ukur berat badan dengan kerap. Jika berat badan anda mula bertambah, rujuk doktor anda. Penambahbaikan dalam diet dan senaman mungkin

disyorkan.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Ubat ini boleh menyebabkan pening, *somnolence* (khayal) atau kehilangan kesedaran. Elakkan mengendalikan jentera berbahaya, seperti memandu kereta.
- Pemberhentian ubat ini secara tiba-tiba boleh menyebabkan gejala seperti insomnia, loya, cirit-birit dan hilang selera makan. Jika anda berhenti mengambil ubat ini, dos perlu dikurangkan secara beransur-ansur dari semasa ke semasa. Jangan kurangkan dos atau hentikan pengambilan ubat ini sendiri.
- Minuman beralkohol boleh menjejaskan ubat ini. Elakkan daripada minum minuman beralkohol.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ubat ini boleh menyebabkan gejala seperti mata malas (*lazy eye*), penglihatan tidak normal, penglihatan kabur, penglihatan berganda (*double vision*). Jika mana-mana gejala ini berlaku, rujuk doktor anda.
- Jika anda hamil atau berkemungkinan hamil, rujuk doktor anda.
- Jika anda menyususu, rujuk doktor anda.
- Jika anda mendapatkan rawatan daripada doktor lain atau membeli ubat lain di farmasi, dll., maklumkan doktor atau ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil ubat ini.

## Kesan-kesan sampingan

Bahagian ini menerangkan tentang kesan advers utama dan simptom subjektif utama. Bagi kesan advers, adalah perkara biasa apabila beberapa simptom subjektif utama yang digambarkan bagi setiap kesan advers yang signifikan berlaku pada masa yang hampir sama.

Jika mana-mana gejala ini berlaku, rujuk doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Kesan advers ketara secara klinikal	Gejala subjektif utama
Kepeningan	Rasa terapung, pening dan rasa kepala berpusing
Somnolens	Mengantuk
Hilang kesedaran	Pitam
Gangguan fungsi hepatic	Keletihan, kelesuan umum, kelemahan, loya dan hilang selera makan

**TARLIGE® FILM-COATED TABLET**

Mirogabalin besilate (2.5mg, 5mg, 10mg &amp; 15mg)

Gangguan fungsi buah pinggang	Pengeluaran air kencing berkurangan, <i>edema</i> (bengkak), berasa lesu
-------------------------------	--

Gejala subjektif di atas disusun mengikut kawasan kesan adwers seperti berikut. Jika anda lihat gejala-gejala ini, lihat Jadual Kesan Adwers Ketara

Kawasan	Gejala subjektif
Seluruh badan	Rasa terapung, pening, keletihan, kelesuan umum, kelemahan
Kepala	Rasa berpusing, mengantuk, hilang kesedaran
Mulut dan tekak	Loya
Kencing	Pengeluaran air kencing berkurangan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat secara terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

**Cara Penyimpanan dan Pelupusan TARLIGE®****- Penyimpanan**

- Simpan pada suhu di bawah 30°C jauh daripada cahaya matahari langsung dan kelembapan.
- Simpan larutan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

**- Pelupusan**

- Jangan beri ubat ini kepada orang lain.
- Rujuk kepada farmasi atau institusi perubatan tentang cara melupuskan ubat yang tidak digunakan.

**Maklumat Lanjut****- Rupa dan warna produk**

Tarlige Tablets 2.5mg: Tablet bersalut selaput berbentuk bulat dan berwarna pic  
 Tarlige Tablets 5mg: Tablet bersalut selaput berbentuk bujur dan berwarna merah kekelabuan dengan garis berukir untuk penskoran

Tarlige Tablets 10mg: Tablet bersalut selaput berbentuk bujur dan berwarna pic dengan garis berukir untuk penskoran

Tarlige Tablets 15mg: Tablet bersalut selaput berbentuk bujur dan berwarna merah kekelabuan dengan garis berukir untuk penskoran

**- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
 Mirogabalin besilate  
 -Bahan tidak aktif  
 D-manitol, mikrokristal selulosa, kalsium carmellose, tokoferol, asid sitrik hidrat, magnesium aluminometasilikat, magnesium stearat, hipromelosa, titanium oksida, talkum, ferik oksida kuning, ferik oksida merah

**-Nombor MAL**

MALXXXXXXXXA

**Pengilang**

Takatsuki Plant, TAIYO Pharma Tech Co., Ltd,  
 4-38 Aketacho, Takatsuki, Osaka, Jepun

**Pemegang Pendaftaran Produk**

A. Menarini Singapore Pte Ltd  
 B-18-2, Level 18, The Ascent Paradigm,  
 No 1, Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya, 47301  
 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

**Tarikh kemas kini RiMUP**

23/09/2025

**Nombor Siri**

(R1) 25/024